

PENUTUP.

Berdasarkan tajuk yang diperbincangkan, jelas akan kepentingan unsur perbuatan di dalam sesuatu jenayah sama ada undang-undang jenayah Islam maupun undang-undang jenayah Malaysia. Di samping itu unsur mental juga bergandingan untuk menjadikan sesuatu perbuatan itu sebagai satu perbuatan jahat. Jadi gabungan antara unsur perbuatan jahat (actus reus) dan niat jahat (mens rea) adalah penting untuk mensabitkan seseorang dengan sesuatu kesalahan.

Walau bagaimanapun di dalam undang-undang jenayah Malaysia terdapat kekecualiannya. Ini adalah berhubung dengan kes-kes yang dinamakan kes-kes "tanggungjawab keras" ataupun strict liability. Bagi kes-kes yang seumpama ini unsur niat atau mental adalah tidak dipersoalkan cukup dengan pembuktian akan kewujudan unsur perbuatan maka seseorang itu telah dianggap melakukan satu kesalahan. Misalnya kes membuang sampah dan seumpamanya.

Berdasarkan fakta yang diperbincangkan juga kita melihat konsep-konsep asas yang dikemukakan oleh kedua-dua undang-undang ini adalah hampir sama. Misalnya soal pengertian perbuatan jahat dan konsep jenayah berkumpulan, konsep yang dikemukakan adalah tidak jauh

yang tidak sempurna. Begitu juga dengan istilah pakatjahat jenayah yang lebih umum yang merujuk kepada jenayah yang dilakukan berkumpulan di dalam undang-undang jenayah Islam. Sementara di dalam undang-undang jenayah Malaysia ianya hanya merujuk kepada salah satu bentuk jenayah yang dilakukan secara berkumpulan sahaja.

Seterusnya soal rujukan. Bagi undang-undang jenayah Malaysia rujukan utama ialah Kanun Kesiksaan Malaysia di samping undang-undang jenayah India dan juga undang-undang Inggeris (Common Law). Keputusan para hakim di dalam sesuatu kes juga merupakan rujukan yang penting di dalam undang-undang jenayah Malaysia. Al Quran dan Sunnah, juga pendapat fuqaha Islam pula merupakan rujukan utama bagi undang-undang jenayah Islam.

Akhir sekali kita melihat di dalam undang-undang jenayah Malaysia keutamaan adalah diberikan kepada Yang DiPertuan Agong. Kesalahan persediaan, percubaan, persepakatan jahat dan juga subahat untuk melakukan jenayah terhadap Yang DiPertuan Agong hukumannya adalah bunuh. Jelas ternampak akan keutamaan yang diberikan berbanding dengan kesalahan yang dilakukan terhadap masyarakat umum.

Wallah Hu A'lam.